

# Kaji semula dasar AP – BNBBBC

UM - 2/8/2005

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

**P**UTRAJAYA 1 Ogos – Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBBC) yang menemui Tun Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini mahu dasar permit import (AP) kereta dikaji semula serta diperbetulkan untuk mengelakkan lambakan kereta import seterusnya melindungi industri automotif negara.

BNBBBC yang kurang senang dengan dasar AP yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga tidak bersetuju dengan spesifikasi kereta *tuned-up* yang dianugerahkan AP oleh MITI sehingga membolehkan model yang tidak dikenali memasuki pasaran negara.

Sehubungan itu, kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah kelab itu dan diketuai oleh Pengerusi BNBBBC, Datuk Shahrir Abdul Samad mendapati dasar tersebut perlu diubah.

“Kami sendiri rasa Malaysia tidak boleh dijadikan pasaran lambakan untuk model kereta *tuned-up* yang ‘bukan-bukan’ ini. Kalau Brabus itu kami fahamlah tetapi Wald yang tidak masuk buku pun hendak diberi AP, kami tidak bersetuju,” kata Shahrir.

(Kereta *tuned-up* ialah kereta yang dinaik taraf menerusi pengubahsuaian untuk dijual pada harga yang lebih tinggi. Antara kereta jenis itu yang ada dalam pasaran ialah Wald, Impul, Brabus, Nismo, Tom’s).

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengetuai anggota kumpulan kerja BBC berhubung industri automotif negara mengadakan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri itu yang juga Penasihat Proton di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

## Persoal

Dari segi AP kereta, Shahrir mempersoalkan kenapa asas pengeluarannya oleh MITI berubah-ubah sehingga menyaksikan lonjakan ketara pada jumlah 2004 dan 2005 berbanding tahun sebelumnya.

“Jumlah AP (kereta) pada 2004 melonjak kepada 60,000 daripada 20,000 pada 2003. Nampak berlaku perubahan dasar daripada berasaskan 10 peratus pengeluaran kenderaan penumpang kepada jumlah kenderaan komersial.

“Kita mahu tegaskan pelaksanaan satu-satu dasar melibatkan pegawai kerajaan dan (dalam hal ini) pegawai dalam MITI harus bertanggungjawab dalam pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh kerajaan.

“Apabila sesuatu dasar itu berubah atau menyimpang sehingga menjadi satu dasar baru, pegawai-pegawai berkenaan bertanggungjawab mene-

gur atau menasihati menteri supaya dasar itu tidak diubah sewenang-wenangnya,” katanya.

Beliau menekankan, dalam isu ini tidak boleh dipersalahkan menteri seorang tetapi juga pegawai-pegawai MITI yang terlibat.

Justeru ketika ditanya adakah MITI perlu dirombak, beliau sekadar berkata, jika berdasarkan kritiknya terhadap dasar di bawah kementerian itu, MITI perlu melakukan muhasabah diri dan bertanggungjawab atas keadaan yang berlaku sekarang.

Dalam hal ini, Shahrir dan anggota BBC lain akan menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz bagi menyampaikan pandangan berhubung isu tersebut pada 16 Ogos ini.

Mengulas pertemuan dengan Dr. Mahathir sebelum itu, Shahrir memberitahu beberapa rumusan diperoleh antaranya penggubalan dasar baru industri automotif negara perlu mengambil kira kedudukan dan pencapaian Proton.

Beliau menegaskan penilaian semula perlu dibuat terhadap sya-

rikat-syarikat kereta nasional iaitu Proton, Perodua, Naza dan Inokom bagi memastikan takrifan dan syarat serta keperluan yang dikenakan adalah sama.

“Misalnya Perodua, walaupun syarikat bertaraf asing dengan 51 peratus ekuiti dipegang oleh syarikat Jepun tetapi ia boleh dianggap kereta nasional. Sepatutnya mesti ada pencapaian-pencapaian yang perlu dipenuhi,” katanya.

Shahrir berkata, kemampuan syarikat-syarikat vendor bagi Proton dan kereta nasional lain juga harus dilihat semula memandangkan kali terakhir syarikat-syarikat ini mendapat bantuan kerajaan ialah melalui geran RM300 juta yang dikeluarkan Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) pada 1984.

Akhirnya untuk memantapkan lagi industri automotif negara, menurutnya, kumpulan kerja BBC mencadangkan supaya satu badan pengawalan mutu dan piawaian ditubuhkan untuk memantau kemasukan kereta-kereta import ke dalam negara.



MUNGKIN ada sesuatu yang melucukan sehingga Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Shahrir Abdul Samad ketawa pada majlis pertemuan Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBBC) dengan bekas Perdana Menteri di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya semalam.

